

Elak peningkatan kadar inflasi — PM

Kaedah bayaran gaji yang lebih sesuai akan dikaji

KUALA LUMPUR 6 Jan. — Kerajaan akan mengkaji kaedah pembayaran gaji yang lebih sesuai dengan kehendak negara serta dapat mengelakkan peningkatan kadar inflasi, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurutnya, kaedah yang diamalkan sekarang banyak mempengaruhi kadar inflasi dan kejatuhan paras ekonomi negara yang akhirnya membekankan pekerja.

Beliau berkata, masalah tersebut bertambah apabila berlaku kenaikan gaji kerana kenaikan gaji akan diikuti oleh bayaran perkhidmatan yang lebih tinggi oleh pihak-pihak lain yang turut mahu menikmati keuntungan.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan projek 'Penilaian dan Analisis Pengurusan Berisiko' anjuran Kelab Harvard Malaysia di Bank Negara di sini hari ini, beliau berkata, antara panduan yang mungkin diambil pertimbangan ialah cara pembayaran gaji di Jepun.

Di Jepun, jelasnya, gaji asas adalah kecil tetapi para pekerja menikmati bayaran bonus yang lumayan.

"Salah satu kejayaan Jepun meningkatkan pertumbuhan industrinya ialah melalui cara pembayaran gaji kerana cara tersebut yang banyak bergantung kepada keuntungan syarikat

untuk mendapatkan bonus menyebabkan para pekerja dan eksekutifnya setia kepada syarikat," ujar beliau.

Malah, katanya, syarikat-syarikat di Jepun kebanyakannya melaburkan semula keuntungan ke dalam bidang penyelidikan dan pembangunan serta kemudahan baru.

"Dengan pelaburan yang banyak ke dalam penyelidikan dan pembangunan, aset sesebuah syarikat itu juga tumbuh dengan pesat," jelasnya.

Bagaimanapun, kata beliau, pemegang-pemegang saham syarikat yang tidak mendapat keuntungan dari segi dividen, masih mendapat keuntungan dari segi aset syarikat.

Sementara itu dalam ucapan perasmian, Perdana Menteri berkata, sistem gaji sekarang yang memberi ganjaran lumayan memang dianggap baik oleh semua pihak tetapi dalam jangka panjang ia merugikan.

"Kita boleh mendapat gaji yang mencapai berjuta-juta ringgit tetapi ia tetap tidak bernilai jika ia tidak jauh bezanya dengan nilai yang kita dapat semasa memperolehi gaji sebanyak \$100 sebulan," katanya.

Beliau meminta para majikan sentiasa mengamalkan sifat-sifat yang diharap-harapkan oleh kerajaan termasuk melatih dan meningkatkan kebolehan para pekerja.

Menurutnya, antara perkara yang patut diberi perhatian ialah menjaga kebajikan pekerja, mengurus mereka dengan baik, melengkapkan mereka dengan perubahan-perubahan yang berlaku serta memberi ganjaran yang baik ke atas sumbangan yang telah mereka diberikan.

Bercakap tentang ekonomi negara, beliau menegaskan, ekonomi Malaysia telah meningkat begitu mendadak sekali sejak tahun 1987, malah tahun 1990 menampakkan kadar pertumbuhan ekonomi negara yang paling tinggi di dunia iaitu sebanyak 9.8 peratus.

Katanya, kejayaan pada tahun 1990 bukan saja merupakan yang tertinggi sejak tahun 1976, malah mengatasi prestasi ekonomi empat negara gergasi di Asia dan negara-negara ASEAN lain.

Menurutnya, tanda-tanda menunjukkan aktiviti ekonomi dalam negara juga terus kukuh pada tahun 1991.

"Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) pada tahun 1991 dijangka melebihi 8.5 peratus dan dijangka mencapai pada kadar melebihi 8 peratus pada tahun 1992," jelasnya.

Berhubung soal kebolehan menyimpan wang atau menabung, Perdana Menteri berkata, kejatuhan simpanan negara adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian serius.

Jika simpanan negara melebihi paras 30 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dalam tempoh dua dekad yang lalu, katanya, paras itu merosot di bawah 30 peratus pada tahun 1990.

"Pada tahun 1991, paras itu merosot kepada kira-kira 20 peratus daripada KNK," tambahnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, walaupun kerajaan tidak menyekat kebolehan rakyat untuk berbelanja tetapi adalah baik jika rakyat terus menabung demi kepentingan ekonomi.

Mengenai industri bank, beliau meminta pihak bank supaya mengamalkan sistem bank yang bercorak inovatif bagi membantu para pengusaha tempatan.

Menurutnya, langkah tersebut boleh dilakukan tanpa mengorbankan tradisi bank selama ini.

"Pada masa yang sama, pihak bank juga patut mengekalkan sifat-sifat amanah dan integritinya dalam segala aspek," tambah beliau.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussin dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid selaku Presiden Kelab Harvard Malaysia.